

# 'Usah seronok sendiri'

Sasaran NKRA hanya dapat direalisasikan sekiranya penjawat awam fahami keperluan rakyat

>>Oleh Muhd Izwan Baharin  
 izwan@metro.com.my

**K**UALA LUMPUR: Penjawat awam tidak seharusnya diulit perasaan 'seronok sendiri' ketika merealisasikan semua sasaran Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang ditetapkan sebaliknya berusaha mendapatkan penerimaan rakyat dan seterusnya memperbetulkan persepsi silap mereka terhadap inisiatif murni dilaksanakan kerajaan selama ini.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, rakyat perlu maklum bahawa semua dasar yang dilaksanakan kerajaan hanyalah untuk kesejahteraan mereka semata-mata.

"Justeru itu, sebagai penjawat awam yang mendokong dasar kerajaan, penting bagi kita memikirkan persoalan seperti adakah rakyat faham usaha kerajaan selama ini, kenapa rakyat tidak bersama-sama menyertai menjayakannya, apakah kesannya cukup besar kepada rakyat untuk mereka menghargai usaha kerajaan dan di mana silapnya jika rakyat masih tidak berpuas hati.

"Kita perlu kesan, imbas dan betulkan segala tindakan serta usaha kita bagi menjayakan inisiatif berkenaan," katanya ketika menyampaikan ucapan di Majlis Perasmian Persidangan Perkhidmatan Awam ke-16 bertema 'People First, Performance Now: The Public Service Response' di Institut Tadbiran Awam Negera (Intan), di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Setiausaha



RAMAH...Muhyiddin beramah mesra bersama pelajar AUCMS selepas melancarkan dana pendidikan kolej berkenaan, semalam.

## >Perlu lagi doktor, pakar perubatan

**K**UALA LUMPUR: Jumlah doktor dan pakar perubatan di negara ini masih belum mencukupi bagi menampung keperluan pesakit, kata Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin. Menurutnya, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menetapkan nisbah seorang

doktor bagi setiap 600 pesakit, sedangkan Malaysia bernisbah satu doktor bagi setiap 900 pesakit. "Ini bermakna negara kita memerlukan lebih ramai doktor dan pakar perubatan untuk memenuhi piawai ditetapkan peringkat antarabangsa dalam usaha untuk menawarkan

ha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Abu Bakar Abdullah, Pemangku Presiden Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik, Datuk Dr Mohd Azhar Yahaya dan Pengarah Intan, Dr Aminuddin Hassim.

Muhyiddin berkata, keghai-

ranah penjawat awam memacu usaha memperkasakan NKRA tidak seharusnya melupakan mereka daripada memerhati hasil sampingan ketara yang ditanggung rakyat.

"Keputusan kerajaan menjadikan kos sara hidup sebagai NKRA ketujuh diya-

bercup melancarkan Dana Pendidikan Perubatan Alliance University College of Medical Sciences (AUCMS) 2011. Hadir sama, Pro Canselor AUCMS, Prof Datuk Dr Chan Kok Ewe; Naib Canselor AUCMS, Datuk Dr Mohamad Abd Razak dan Presiden AUCMS, Prof Datuk Dr Zainuddin Md Wazir.

kini mampu mengurangkan jurang antara kaya dan miskin di negara ini. Dalam hal ini, sektor awam perlu berada di barisan hadapan dengan mempelopori perkongsian pintar antara kerajaan dan rakyat bagi mengatasi kenaikan kos sara hidup menerusi pelaksanaan tindakan yang

perkhidmatan kesihatan yang lebih berkualiti kepada rakyat. "Berdasarkan itu kerajaan mengalu-alukan sumbangan institut pengajian tinggi swasta (IPTS) dalam melahirkan lebih ramai graduan berkualiti bidang perubatan di negara kita, katanya di sini semalam. Beliau berkata demikian ketika

cekap dan efektif," katanya. Beliau berkata, pencapaian program yang dilaksanakan kerajaan hanya akan menjadi kenyataan sekiranya penjawat awam memahami keperluan rakyat sebagaimana memahami keperluan keluarga sendiri. "Dalam memastikan setiap tindakan mengutamakan ke-

pentingan rakyat itu berjaya, pertemuan dan interaksi dengan mereka adalah perlu manakala suara serta rintihan mereka didengar dan diberi perhatian. Ini semua tidak akan dapat dilaksanakan sekiranya kita masih menjarakkan diri daripada rakyat, sebarang keputusan yang hanya berdasarkan keupayaan sendiri dan andaian semata-mata adalah langkah kurang menyeluruh.

"Justeru itu, sebarang pengubahan, kajian semula dan penilaian dasar kerajaan hendaklah dilakukan secara berterusan melalui maklum balas dari mereka yang mempunyai kepentingan supaya objektif itu dapat dipenuhi. Rakyat perlu memahami rasional sesuatu dasar, mereka hendaklah bersama-sama dalam proses penghasilannya bagi mengelakkan ketidakpuasan hati yang boleh menimbulkan bantahan dan penentangan," katanya.

Muhyiddin turut mengemukakan cadangan yang perlu diamalkan bagi memastikan konsep Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan mencapai matlamat. "Pertama, sebagai pengubah dan pelaksana dasar, pengamalan kepada ketelusan serta keadilan akan membawa hasil positif yang boleh dirasakan rakyat.

"Kedua, kerjasama positif antara agensi wajar dilaksanakan kerana ia menggalakan perkongsian maklumat, sumber, teknologi dan amalan baik selain menjimatkan kos serta meningkatkan keberkesanan dasar kerajaan," katanya.

FOTO | Roslan Wahid